

PROMOSI CUTI SEKOLAH AKAUN SIMPANAN JUNIOR-i

TEMPOH PROMOSI

Tarikh Kemaskini 6 Disember 2017

“Promosi Cuti Sekolah Akaun Simpanan Junior-i” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”), bermula dari 4 Disember 2017 hingga 31 Mac 2018, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

Akaun Simpanan Junior-i (“JSA-i”)

1. Promosi terbuka kepada semua pelanggan individu HLISB warga negara Malaysia yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi Akaun Simpanan Junior-i (“Pemegang Akaun”).
2. Bagi mengelakkan keraguan:-
 - (a) “Pemegang Akaun Baharu” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka JSA-i semasa Tempoh Promosi;
 - (b) “Pemegang Akaun Sedia Ada” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka JSA-i sebelum 4 Disember 2017.
3. Ibu bapa atau penjaga sah Pemegang Akaun dibenarkan menyertai Promosi bagi pihak Pemegang Akaun yang merupakan beneficiari yang dinamakan dalam JSA-i.
4. Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tanpa untung, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang berdaftar atau diperbadankan dalam Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan perbadanan multinasional.
5. JSA-i layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

KAEDAH PROMOSI

(i) Pemberian Peserta Terawal (“Pemberian”)

6. Pemegang Akaun yang telah mematuhi syarat pemenuhan pembukaan JSA-i baharu dengan Amaun Deposit sepertimana tertera di bawah ini selama tiga (3) bulan berturut-turut semasa Tempoh Promosi (“Peserta Layak”) adalah berhak mendapat Pemberian berikut, tertakluk kepada siapa cepat dia dapat dan ketersediaan stok:–

Bil	Pemberian	JSA-i baharu dengan Amaun Deposit	Kuantiti (Unit)
1.	Cat Air Faber Castell 48	RM2,000	500
2.	Beg Bagasi Barry Smith 20”	RM8,000	100

(ii) Peraduan Deposit JSA-i (“Peraduan”)

7. Pemegang Akaun yang menyertai Peraduan berpeluang memenangi hadiah berikut dan berhak mendapat bilangan penyertaan tanpa had (tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan di dalam ini):

Hadiyah	Kuantiti (Unit)	Amaun Deposit / Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Samsung A7	10	Setiap deposit RM500	1

8. JSA-i mesti buka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dalam Tempoh Promosi dan sehingga 30 Jun 2018 untuk tujuan pemberian hadiah peraduan.
9. Sekiranya JSA-i ditutup bagi sebarang sebab pada atau sebelum 30 Jun 2018 (yang termasuk pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi), Pemenang akan hilang kelayakan daripada menerima hadiah peraduan.
10. Bagi tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, "Dana Baharu" adalah:-
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
11. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai "Dana Baharu":-
 - (a) pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain HLISB atau Hong Leong Bank ("HLB") (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Pelaburan Am atau Deposit Bertempoh-i); dan/atau
 - (b) pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
12. Peserta Layak akan dipilih secara automatik berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Promosi, seperti mana dipaparkan dan tercatat dalam sistem HLISB. Borang penyertaan peraduan atau pendaftaran tidak diperlukan untuk Hadiah dan penyertaan Peraduan.

PEMENUHAN PEMBERIAN & PEMILIHAN PEMENANG

13. **ENAM RATUS (600)** Peserta Layak akan dipilih bagi syarat pemenuhan Pemberian di cawangan HLISB / HLB berkenaan setelah memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6, tertakluk kepada siapa cepat dia dapat dan ketersediaan stok, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Peserta Layak.
14. **LIMA PULUH (50)** Peserta Layak akan dipilih secara rambang dan disaring setelah tamat Tempoh Promosi bagi pemilihan pemenang Hadiah Peraduan ("Peserta yang disenarai pendekkan").
15. Peserta yang disenarai pendekkan akan dihubungi oleh HLISB atau Pengurus Peraduan yang dilantik, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) ("Dynamic Search") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Peserta yang disenarai pendekkan seperti tercatat dalam sistem HLISB SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawab untuk menjawab **dua (2)** soalan dengan betul dalam tempoh masa terpantas.
16. Jika Peserta yang disenarai pendekkan gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** deringan atas apa jua sebab sekalipun, maka Peserta yang disenarai pendekkan dianggap telah terlepas peluang untuk menang dan HLISB atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih Peserta yang disenarai pendekkan yang lain jika perlu.
17. Peserta yang disenarai pendekkan tidak akan diberitahu pada masa tersebut setelah tamat sesi soal jawab sama ada dia adalah Pemenang Hadiah Peraduan (seperti ditakrif dalam Fasal 7).
18. **SEPULUH (10)** peserta yang disenarai pendekkan teratas yang menjawab DUA (2) soalan dengan betul dalam tempoh masa terpantas akan dianggap pemenang (secara kolektif disebut "Para Pemenang" dan setiap seorang satu "Pemenang").
19. Para Pemenang Hadiah Peraduan akan diberitahu oleh HLISB sama ada melalui surat, panggilan telefon, SMS, dengan cara menyiar nama Pemenang dalam laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my atau apa-apa cara lain yang dikira sesuai oleh HLISB tidak lewat daripada 31 Mei 2018 ("Tarikh Pengumuman Pemenang").
20. Para Pemenang Peraduan adalah bertanggungjawab untuk datang mengambil Hadiah mereka daripada cawangan Bank berkenaan dalam masa satu (1) bulan dari Tarikh Pengumuman Pemenang, jika gagal berbuat demikian maka Hadiah itu akan dilupuskan.

UMUM

21. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun bersetuju:-

- (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit Islamik ;
 - (b) melayari laman sesawang HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (c) memberi keizinan dan membenarkan HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon bimbit kepada Dynamic Search untuk tujuan Promosi ini;
 - (d) nama, nombor MyKad/Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka disiarkan atau dipaparkan dalam bahan media, pemasaran atau laman sesawang HLISB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan); dan
 - (e) keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad ke atas semua Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyuarat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayan.
22. HLISB berhak untuk:-
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak HLISB dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis awal dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang difikir sesuai oleh HLISB;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:-
 - (i) jika Pemegang Akaun telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB; atau
 - (ii) jika Pemegang Akaun telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
23. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan bagi percanggahan tersebut.
24. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB pada tarikh terkini hendaklah diutamakan.
25. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.